

17 MAY 2003

Mahathir-Pekerja

DR M NASIHAT RAKYAT JANGAN IKUT RESMI PEKERJA NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak boleh berlagak seperti pekerja di negara maju kerana mereka masih perlu bekerja keras untuk membangunkan negara sebagai sebuah negara maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bagi Malaysia sebagai sebuah negara membangun, cara bekerja yang singkat dan upah yang tinggi yang dilaksanakan di negara maju tidak sesuai untuk negara ini pada masa ini.

"Kita mesti bekerja lebih kuat kerana kita mesti mengejar mereka (negara maju), tak mungkin kita dapat bersama dengan mereka kalau kita tidak lari lebih kuat.

"Kalau kita bekerja seperti cara mereka, mendapat upah tinggi dan kerja tidak perlu dibuat, percayalah, tidak akan ada pelaburan dan keuntungan kepada mana-mana pihak. Tidak ada sesiapa hendak melabur," katanya semasa berucap pada perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata terdapat sesetengah negara maju yang pekerjaannya hanya bekerja 35 jam seminggu dan mendapat upah 10 kali ganda lebih tinggi kerana mereka menganggap mereka sudah maju dan tidak perlu bekerja lebih kuat.

Dr Mahathir berkata pekerja di Malaysia tidak boleh berlagak seperti demikian dengan mengurangkan masa bekerja misalnya kepada lima hari seminggu.

Ini kerana berdasarkan pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu yang dibuat sekarang (cuti pada tiap Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan) kos perkhidmatan dan perbelanjaan untuk bekerja pada hari cuti telah meningkat sehingga terpaksa membayar empat kali ganda, katanya.

Beliau berkata kos yang meningkat ini menyebabkan daya saing negara akan terhakis dan akhirnya membawa kerugian.

"Kita belum mampu untuk bekerja lima hari seminggu kerana kita masih mengejar bangsa-bangsa yang maju. Kita perlu kerja lebih kuat daripada mereka supaya kita dapat bersaing dengan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata sekiranya pekerja menyedari bahawa negara ini belum maju dan berlagak seadanya dan tidak mendesak serta menuntut lebih daripada apa yang mampu diberikan, Malaysia akan terus aman dan sedikit demi sedikit mencapai kemajuan.

Perdana Menteri berkata Malaysia, yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa dengan menjual barangan dan perkhidmatan di pasaran dunia, perlu mengekalkan daya saingnya dan memastikan pelaburan asing terus memasuki negara ini, sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Katanya untuk bersaing, negara dan majikan tidak perlu meningkatkan kos sebaliknya meningkatkan kecekapan, pengetahuan dan kemahiran para pekerjaannya.

"Kita sedia untuk memberi latihan kepada mereka yang ingin meningkatkan kecekapan supaya di zaman teknologi maklumat ini, kita dapat memberi pekerjaan yang memberi upah yang lebih tinggi, dan rakyat daripada segenap lapisan dapat menikmati hidup yang lebih mewah," katanya.

Dr Mahathir berkata inilah pendekatan kerajaan dan bukannya dengan ujian kekuatan dan konfrontasi.

Sambil melahirkan rasa syukur dan penghargaan terhadap warga pekerja Malaysia yang amat bertanggungjawab dan tidak mudah mengambil tindakan perusahaan yang merugikan negara, beliau berkata ia adalah satu cara yang

dapat memajukan negara.

Katanya perasaan tanggungjawab itu juga telah menjadikan pekerja negara ini sanggup menghadapi cabaran walaupun ada tugas yang dihadapi itu melibatkan bahaya kepada diri dan nyawa.

Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada para doktor, jururawat dan kakitangan perubatan di negara ini yang telah bertungkus lumus bekerja malah menggadai nyawa untuk membendung wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Kita dapati doktor, jururawat dan pekerja lain di hospital kita tidak lari daripada menjalan tugas untuk membendung penyakit yang bahaya ini, mereka mendedahkan diri kepada bahaya dijangkiti penyakit yang boleh membawa maut tetapi mereka menjalankan tugas bukan semata-mata kerana upah.

"Kalau pun ditambah upah, apalah sangat upah itu berbanding dengan nyawa, tetapi mereka hadapi tugas dengan begitu cemerlang supaya penyakit SARS ini tidak merebak di negara kita," katanya.

Perdana Menteri mengakui Malaysia maju kerana warga pekerjaanya bertanggungjawab dan tidak mudah dihasut serta tidak mudah bertindak untuk membuat ugutan dan tuntutan, ataupun melakukan konfrontasi.

Sambil menarik perhatian kepada falsafah yang diterapkan orang Eropah dan barat semasa menghadapi pertelingkahan bahawa yang kuat akan memiliki segala-galanya manakala yang lemah hilang segala-galanya, Dr Mahathir berkata ia hanya membawa kerosakan kepada semua pihak termasuk negara.

"Apabila ada konfrontasi, majikan dan pekerja akan rugi kerana daya saing dan daya pengeluaran akan berkurangan. Malah kalau mendapat sesuatu daripada konfrontasi pun, kita telah mengalami kerugian dan tidak dapat bersaing," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia hendaklah bekerja untuk memajukan negara kerana ia juga sebenarnya satu perjuangan untuk diri sendiri dan akan dinikmati.

"Bagi kerajaan kemajuan bermakna bertambahnya hasil negara, bagi majikan tambah untung, bagi pekerja kenaikan upah, kita semua mendapat nikmat daripada kemajuan," katanya.

Pada persidangan akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata terdapat kecenderungan di kalangan rakyat Malaysia untuk berlagak seperti orang kaya dan seperti penduduk di negara maju.

"Mereka mahukan kemudahan yang sama, taraf hidup yang sama seperti negara maju, tetapi kita belum mempunyai keupayaan itu (buat masa ini)." katanya.

Sambil melahirkan rasa puashati dengan tahap produktiviti pekerja di negara ini, beliau berkata ia masih boleh ditingkatkan.

Beliau berkata pekerja juga tidak seharusnya asyik memikirkan insentif atau upah yang tinggi sahaja, sebaliknya berasa puashati apabila kerja yang dilakukannya membawa hasil.

"Upah kita patut dapat jugalah, tapi kalau kita cuma hendak berkorban nak upah saja, kita tidak boleh menghadapi cabaran. Setiap kali (apa yang dibuat hendakkan) insentif, nak suruh orang melabur... insentif, nak jalan tiga kaki... insentif, jalan kuat sikit...insentif lebih sikit, semua hendak insentif," katanya.

Ditanya sama ada pekerja tidak seharusnya mengharap gaji yang lebih tinggi, Dr Mahathir berkata jika mereka mahukan gaji lebih tinggi, mereka mesti produktif.

Ganjaran akan diberikan kepada pekerja jika negara menjadi maju dan lebih makmur, katanya.

-- BERNAMA
HS KHY RON